

Pembelian dua bangunan berharga \$30 juta Hasrat dua syarikat Bumiputera disokong

IPOH, Rabu — Ura-ura mengenai pembelian Hotel Abad Century dan Kompleks Ipoh dengan harga \$30 juta oleh dua buah syarikat Bumiputera mendapat sokongan sepenuhnya dari ahli-ahli perniagaan Bumiputera Perak.

Mereka dengan gembira dan bangga mengalu-alukan tawaran tersebut yang dikatakan dibuat sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Koop Bersatu UMNO Malaysia dan Syarikat Permodalan dan Perusahaan Perak.

Pembelian Hotel Abad Century di Kuala Lumpur adalah langkah menyelamatkan perniagaannya dari terus ditutup kerana menanggung kerugian seperti yang diumumkan oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Mengenai pembelian Kompleks Ipoh yang sedang pesat dibina di Jalan Sultan Idris Shah di sini pula difahamkan hari ini sebagai memberi peluang bagi Bumiputera mengendalikan sesebuah projek besar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Seorang pemaaju perumahan, Haji Yahya Shafie ketika menyokong ura-ura itu berkata: "Ia adalah satu langkah bijak dan baik bagi memperbesar-kan lagi perusahaan kedua syarikat berkenaan."

Bukan setakat itu sahaja, malah pemegang saham kedua syarikat akan lebih yakin dengan organisasi mereka untuk menambahkan lagi harta yang ada.

Haji Yahya yang juga seorang pelombong dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) menambah, kedua syarikat berkenaan berkemampuan membeli kedua bangunan tersebut kerana masing-masing memiliki kedudukan kewangan yang kukuh.

Pengurus Besar Koperasi Pekebun-pekebun Kecil Getah Perak, Encik Zulkifly Mat Idris berkata, syarikat Bumiputera yang mengendalikan sebuah hotel kelas pertama seperti Abad Century pada masa ini adalah kurang.

Oleh itu inilah ketikanya mereka mengambil alih pengurusan sebuah hotel bertaraf antarabangsa agar percubaan Bumiputera untuk terus bernafas di bidang pengurusan hotel tidak berkecal separuh jalan.

"Saya setuju dengan pendapat Pemuda UMNO Malaysia tempoh hari supaya Hotel Abad Century dikekalkan.

"Ini kerana kita masih memerlukan banyak lagi hotel kelas satu terutama memandangkan kehadiran pelancong luar negeri," katanya.

Seorang lagi ahli perniagaan Bumiputera, Encik Abdullah Hussein berpendapat, ura-ura itu bukan sahaja dapat memajukan perniagaan kedua syarikat berkenaan, tetapi akan menaikkan lagi imej Bumiputera di bidang tersebut.

Pelaburan

Pembelian kedua bangunan itu katanya, dapat meluaskan lagi pelaburan kedua syarikat tersebut terutama Koop Bersatu UMNO dengan peranannya untuk membolehkan Bumiputera berkecimpung di bidang perniagaan dan perusahaan.

Encik Abdullah yang juga Setiausaha Persatuan Pemborong Bumiputera Perak yakin rancangan itu akan menggalakkan lagi kedua syarikat tersebut memperluas perusahaan mereka di masa depan.

Seorang lagi pemborong Bumiputera, Encik Ismail Rauf berpendapat, sebagai organisasi besar sudah kena pada tempatnya kedua syarikat itu membeli kedua bangunan tersebut.

"Kita tidak mahu Hotel Abad Century terlepas ke tangan orang yang hanya mencari kepentingan perut sendiri," tambahnya.

Seorang lagi pemaaju perumahan, Syed Hassan Nazri berpendapat, harga \$30 juta untuk membeli kedua bangunan tersebut adalah berpatutan.

No. Siri... 12,49A
No. Pendaftaran... 4307/81